

Tatakelakuan Pembekal Nielsen

Disember 2016

Nielsen komited terhadap standard integriti dan tanggungjawab sosial yang paling tinggi. Kami mewajibkan pihak ketiga yang menjalankan perniagaan dengan kami untuk mencapai standard tinggi yang serupa. Tatakelakuan Pembekal (Tatakelakuan) menetapkan keperluan umum yang berkaitan kepada mana-mana pembekal yang membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada Nielsen. Terma kontrak khusus antara Pembekal dan Nielsen mungkin mengandungi peruntukan tambahan yang menekankan beberapa subjek serupa ini. Tiada apa-apa dalam Tatakelakuan ini bermaksud untuk mengatasi mana-mana peruntukan lebih khusus dalam kontrak tertentu, dan jika terdapat sebarang ketidakkonsistenan antara Tatakelakuan ini dan mana-mana peruntukan kontrak tertentu, peruntukan dalam kontrak akan mengatasi Tatakelakuan. Tatakelakuan ini tidak bertujuan untuk mengatasi mana-mana undang-undang. Pembekal perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dalam setiap bidang kuasa di tempat mereka beroperasi.

Sejajar dengan [Code of Conduct of the Electronics Industry Citizenship Coalition](#) dan [UN Guiding Principles on Business and Human Rights](#), peruntukan dalam Tatakelakuan ini diambil daripada standard hak asasi manusia antarabangsa utama termasuklah *ILO Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work* dan [UN Universal Declaration of Human Rights](#).

A. BURUH

Pembekal komited untuk mempertahankan hak asasi manusia bagi pekerja, dan melayan mereka dengan bermaruah dan secara hormat menurut standard hak asasi manusia antarabangsa. Ini terima pakai kepada semua pekerja, termasuk pekerja sementara, migran, pelajar, kontrak, pekerja tetap dan golongan pekerja lain.

Standard buruh mandatori ialah:

1) Pekerjaan yang Dipilih Secara Bebas - Buruh paksa, buruh terikat (termasuk ikatan hutang) atau buruh kontrak, buruh penjara paksaan, perhambaan atau pemerdagangan manusia tidak akan digunakan. Ini termasuk membawa, melindungi, merekrut, memindahkan atau menerima individu melalui cara ancaman, paksaan, kekerasan, penculikan atau pemalsuan pekerjaan atau perkhidmatan.

- Sebagai sebahagian daripada proses pengambilan bekerja, pekerja perlu diberi huraian terma pekerjaan mereka dalam bahasa yang mereka fasih. Untuk pekerja migran, ini perlu diberikan sebelum pekerja berlepas dari negara asal mereka.
- Semua kerja hendaklah secara sukarela dan pekerja bebas untuk meninggalkan kerja pada bila-bila masa atau menamatkan pekerjaan mereka. Pekerja bebas untuk meninggalkan tempat kerja atau asrama mereka apabila tidak terlibat dengan kerja dan tidak akan dikenakan sekatan tidak wajar terhadap kebebasan asas mereka (cth. akses ke tandas, air yang boleh diminum dsb.).

- Majikan dan ejen tidak boleh menyimpan ataupun memusnahkan, menyembunyikan, merampas atau menafikan akses pekerja kepada dokumen pengenalan atau imigresen mereka, seperti kad pengenalan, pasport atau permit kerja yang dikeluarkan kerajaan, melainkan penyimpanan tersebut diperlukan mengikut undang-undang.
- Pekerja tidak perlu membayar yuran perekrutan kepada majikan atau ejen atau yuran lain yang berkaitan untuk pekerjaan mereka. Jika mana-mana yuran tersebut didapati telah dibayar oleh pekerja, yuran tersebut akan dibayar semula kepada pekerja.

2) **Pekerja Muda** - Buruh kanak-kanak tidak boleh digunakan dalam sebarang peringkat rantai bekalan. Istilah “kanak-kanak” merujuk kepada mana-mana individu berumur bawah 15 tahun atau di bawah umur untuk melengkapkan pendidikan wajib, atau di bawah umur minimum untuk bekerja dalam negara, mana-mana yang lebih muda. Pekerja berumur bawah 18 (Pekerja Muda) tidak boleh melakukan kerja yang mungkin akan menjejaskan kesihatan atau keselamatan mereka, termasuk bekerja syif malam dan bekerja lebih masa. Pembekal perlu memastikan pengurusan pekerja pelajar yang sewajarnya melalui pengekalan rekod pelajar yang betul, usaha wajar untuk mengetahui rakan kongsi pendidikan yang teliti dan perlindungan hak pelajar menurut undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Pembekal perlu memberikan sokongan dan latihan bersesuaian kepada semua pekerja pelajar. Sekiranya tiada undang-undang tempatan yang relevan, kadar gaji untuk pekerja pelajar, pelajar praktikal dan pelatih perlu sekurang-kurangnya sama kadar gaji dengan pekerja aras permulaan lain yang melakukan tugas yang sama atau serupa.

3) **Waktu Bekerja** - Minggu kerja tidak boleh melebihi had maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan dan tidak boleh melebihi 60 jam seminggu, termasuklah kerja lebih masa, kecuali dalam situasi kecemasan atau luar biasa. Pekerja perlu dibenarkan sekurang-kurangnya satu hari rehat untuk setiap tujuh hari.

4) **Upah dan Manfaat** - Pampasan yang dibayar kepada pekerja perlu mematuhi semua undang-undang upah yang berkenaan, termasuklah yang berkaitan dengan gaji minimum, jam kerja lebih masa dan manfaat yang dimandatkan secara sah. Pembekal perlu membayar pampasan kepada pekerja untuk kerja lebih masa mengikut undang-undang tempatan. Pemotongan daripada gaji sebagai satu langkah disiplin tidak akan dibenarkan. Untuk setiap tempoh gaji, pekerja perlu diberi penyata gaji boleh difahami dan tepat pada masanya yang mengandungi maklumat mencukupi bagi mengesahkan pampasan yang tepat untuk kerja yang dilakukan. Semua penggunaan buruh sementara, penghantaran dan sumber luar perlu mematuhi undang-undang tempatan.

5) **Layanan Berperikemanusiaan** - Layanan kasar atau tidak berperikemanusiaan yang termasuk gangguan seksual, penderaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau cacian terhadap pekerja tidak dibenarkan sama sekali. Ancaman untuk mana-mana layanan tersebut juga tidak dibenarkan sama sekali. Dasar dan prosedur disiplin yang menyokong keperluan ini perlu ditakrifkan dan disampaikan kepada pekerja dengan jelas.

6) **Tiada Diskriminasi** - Pembekal perlu melayan pekerja secara bermaruah dan secara hormat dan menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan dan penderaan. Pembekal tidak boleh terlibat dalam amalan pengambilan pekerja dan pekerjaan yang mendiskriminasi berdasarkan sifat yang tidak berkaitan dengan prestasi kerja pekerja. Pekerja perlu diberikan kemudahan yang munasabah untuk amalan keagamaan. Selain itu, pekerja atau bakal pekerja tidak boleh diminta menjalani ujian perubatan atau ujian fizikal yang boleh digunakan dalam cara yang mendiskriminasi.

7) **Kebebasan Berpersatuan** - Menurut undang-undang tempatan, Pembekal perlu menghormati hak semua pekerja untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka sendiri, untuk berunding secara berkumpulan dan untuk terlibat dalam perhimpunan aman, serta menghormati hak pekerja untuk mengelakkan diri daripada aktiviti tersebut. Pekerja dan/atau wakil mereka perlu boleh berkomunikasi secara terbuka dan berkongsi idea dan kebimbangan dengan pengurusan berkaitan keadaan tempat kerja dan amalan pengurusan tanpa berasa takut akan diskriminasi, dikenakan tindakan balas, diugut atau diganggu.

B. KESIHATAN dan KESELAMATAN

Pembekal diharapkan agar menyepadukan amalan kesihatan dan keselamatan yang wajar dalam semua aspek perniagaan, termasuklah: keselamatan pekerjaan (menghadkan pendedahan pekerja kepada kemungkinan bahaya keselamatan); kesediaan kecemasan (pelaksanaan rancangan kecemasan dan prosedur respons, termasuk latihan dan latihan kecemasan pekerja); pencegahan dan pelaporan kecederaan dan penyakit pekerjaan; amalan kesihatan industri (mengawal dan menghadkan pendedahan kepada agen kimia, biologi dan fizikal); menghadkan kerja yang mengerah tenaga fizikal dan melindungi penggunaan jentera berat atau berbahaya; akses kepada persekitaran yang bersih dan selamat (termasuklah kemudahan tandas yang bersih, air minum dan penyediaan makanan bersih); dan penyampaian maklumat kesihatan dan keselamatan yang jelas.

C. ALAM SEKITAR

Nielsen komited kepada tanggungjawab sosial dan menjalankan tanggungjawabnya untuk melindungi alam sekitar, dan kami menggalakkan pembekal kami untuk melakukan perkara yang sama. Kami mewajibkan semua Pembekal kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan, termasuk keperluan permit dan pelaporan. Pembekal perlu mencari kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan meminimumkan penggunaan tenaga dan pembebasan gas rumah hijau mereka.

Untuk Pembekal perkilangan, kami turut mewajibkan: pencegahan pencemaran dan pengurangan sumber; pengendalian, penyimpanan, pergerakan, penggunaan dan pelupusan selamat untuk bahan dan bahan kimia berbahaya; penggunaan dan pengurangan air buangan yang terkawal; dan pemantauan dan kawalan



pembebasan udara (termasuk bahan kimia organik meruap, aerosol, bahan kakis, zarah, bahan kimia susut ozon dan hasil sampingan pembakaran).

D. ETIKA DAN INTEGRITI

Pembekal dan ejen mereka perlu mendukung standard etika yang paling tinggi termasuklah:

1) Integriti Perniagaan dan Urus Niaga yang Jujur

Standard integriti paling tinggi perlu didukung dalam semua interaksi perniagaan. Pembekal perlu mematuhi kebiasaan, peraturan, amalan dan tatakelakuan yang diguna pakai dalam industri dan bahagian amalan Nielsen di semua negara yang Pembekal berikan perkhidmatan kepada Nielsen, termasuk yang berkaitan dengan klien, rakan sekerja dan rakan profesional Nielsen.

Pembekal perlu mempunyai dasar toleransi sifar dan melarang sebarang dan semua bentuk sogokan, rasuah, pemerasan dan penggelapan wang.

Semua urus niaga perniagaan perlu dilakukan secara telus dan dinyatakan secara tepat dalam buku dan rekod perniagaan Pembekal. Pembekal tidak akan membuat sebarang perwakilan palsu atau memberikan maklumat atau data palsu kepada Nielsen atau berkaitan dengan mana-mana transaksi atau kerja yang melibatkan Nielsen atau kliennya. Ini termasuk membuat kenyataan fakta palsu atau memberikan atau menggunakan data palsu. Pembekal perlu hanya menerima kerja yang sesuai dengan kemahiran dan pengalaman mereka. Pembekal perlu sentiasa kekal termaklum tentang amalan dalam profesion untuk memastikan kelakuan beretika dan penyampaian produk dan perkhidmatan yang berkualiti kepada Nielsen dan kliennya

Prosedur pemantauan dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan untuk memastikan amalan perniagaan Pembekal mematuhi keperluan ini.

2) Tiada Sogokan

Pembekal perlu mematuhi semua undang-undang antirasuah tempatan dan antarabangsa yang berkaitan, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing A.S. dan Akta Sogokan UK. Sogokan atau cara lain untuk mendapatkan kelebihan tidak berpatutan atau tidak wajar tidak boleh dijanjikan, ditawarkan, dibenarkan, diberi atau diterima. Pembekal juga tidak boleh menjanjikan, menawarkan, membenarkan, memberi atau menerima apa-apa yang bernilai untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, menghalakan perniagaan kepada mana-mana individu, atau memperoleh kelebihan tidak wajar. Bayaran pemudahan untuk mempercepatkan prestasi fungsi kerajaan rutin turut dilarang. Pembekal tidak boleh melibatkan pihak ketiga untuk melakukan apa-apa yang dilarang untuk Pembekal lakukan secara langsung seperti yang diterangkan di atas.

3) Pendedahan Maklumat

Maklumat berkenaan amalan buruh, kesihatan dan keselamatan, alam sekitar, aktiviti perniagaan, struktur, situasi dan prestasi kewangan Pembekal akan didedahkan menurut undang-undang dan

peraturan berkaitan dan amalan industri semasa. Pembekal tidak boleh menyalahgambarkan aktiviti dalam pendedahan mereka.

4) Harta Intelektual

Pembekal perlu melaksanakan dan mengekalkan perlindungan keselamatan, termasuklah perlindungan pentadbiran, fizikal dan teknikal yang direka bentuk untuk melindungi sistem maklumatnya daripada akses tanpa kebenaran, dan akan segera memaklumkan kepada Nielsen jika sistemnya dipercayai telah terjejas sehingga boleh memudaratkan Nielsen.

Pembekal perlu menggunakan maklumat sulit, data, maklumat dagangan, hak cipta dan tanda dagangan Nielsen hanya dalam cara yang dibenarkan mengikut kontrak mereka dengan Nielsen dan secara minimumnya melindungi maklumat tersebut dengan tahap penjagaan yang munasabah. Pembekal tidak boleh menyalahgunakan atau melanggar maklumat dagangan, tanda dagangan atau kerja berhak cipta orang lain. Pembekal tidak boleh menyalahgunakan rahsia dagangan atau maklumat proprietari atau sulit orang lain atau mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak ketiga yang tidak dibenarkan. Pembekal memaklumkan kepada Nielsen dengan segera tentang sebarang penggunaan data, rahsia dagangan, tanda dagangan, logo atau maklumat sulit Nielsen yang tidak dibenarkan oleh Pembekal atau pihak ketiga.

5) Perlindungan Identiti atau Tiada Tindakan Balas

Pembekal perlu (i) mengekalkan talian bantuan tukang adu¹ atau proses yang serupa untuk pekerjanya melaporkan pelanggaran Tatakelakuan ini atau sebarang kebimbangan integriti berkaitan yang melibatkan kerja untuk Nielsen atau (ii) membenarkan pekerjanya mempunyai akses kepada [talian penting aduan Nielsen](#). Pembekal perlu mengekalkan program untuk memastikan kerahsiaan, ketanpanamaan dan perlindungan tukang adu Pembekal dan pekerja, melainkan dilarang undang-undang. Dalam mana-mana kes, Pembekal mempunyai kewajipan afirmatif untuk melaporkan kepada Nielsen dengan segera sebarang maklumat atau dakwaan diterima yang berkaitan dengan pelanggaran Tatakelakuan ini. Pembekal juga perlu memaklumkan Nielsen dengan segera jika ia menyedari bahawa mana-mana pekerja atau mana-mana pihak ketiga telah membuat sebarang dakwaan atau aduan terhadap Nielsen. Semua laporan kepada Nielsen perlu dibuat di Integrity@Nielsen.com atau <https://nielsen.tnwreports.com/>

6) Pencarian Mineral yang Bertanggungjawab

Pembekal perlu mempunyai dasar untuk memastikan secara wajar bahawa mineral dalam produk yang mereka keluarkan secara langsung atau secara tidak langsung tidak membiayai atau memanfaatkan pelaku pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Pembekal perlu melakukan usaha wajar dalam mengenal pasti sumber dan rantaian penjagaan mineral ini dan memastikan langkah usaha wajar mereka tersedia untuk pelanggan berdasarkan permintaan pelanggan.

7) Privasi dan Perlindungan Data

Pembekal perlu mengekalkan dasar dan prosedur dalaman yang direka bentuk secara wajar untuk melindungi data yang diberikan oleh Nielsen atau diperoleh oleh pembekal bagi pihak Nielsen atau

¹ Definisi tukang adu: Mana-mana individu yang membuat pendedahan tentang kelakuan tidak wajar oleh pekerja atau pegawai syarikat, atau oleh kakitangan kerajaan atau badan kerajaan.



kliennya ("data Nielsen"). Pembekal perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan privasi, perlindungan data dan keselamatan maklumat serta keperluan perundangan berkaitan pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan, penghantaran atau pendedahan data Nielsen. Pembekal perlu melaksanakan perjanjian pemindahan data yang bersesuaian dengan Nielsen dalam sebarang bentuk yang Nielsen atau kliennya perlu lakukan mengikut undang-undang berkaitan dengan pembekal perkhidmatan atau dengan subkontraktor. Pembekal perlu memberikan notis minimum selama 30 hari kepada Nielsen sebelum menggunakan subkontraktor baru untuk memproses data Nielsen, dan perlu mendapatkan keizinan Nielsen sebelum membenarkan mana-mana subkontraktor memproses data Nielsen

8) Percanggahan Kepentingan

Pembekal perlu mengelakkan sebarang situasi atau hubungan yang mungkin melibatkan percanggahan atau seperti percanggahan kepentingan tidak wajar Nielsen. Pembekal tidak boleh menawarkan atau memberikan hadiah, layanan baik atau hiburan berlebihan kepada mana-mana pekerja Nielsen atau ahli keluarga pekerja Nielsen. Pekerja Nielsen dan ahli keluarga mereka tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan ekonomi besar dalam mana-mana entiti yang menjalankan perniagaan dengan Nielsen dan Pembekal mesti mengelakkan hubungan tersebut yang melibatkan percanggahan atau seperti percanggahan dengan pekerja Nielsen.

E. SISTEM PENGURUSAN

Pembekal perlu menggunakan atau mewujudkan sistem pengurusan yang direka bagi memastikan:

- 1) Pematuhan undang-undang, peraturan berkaitan dan keperluan pelanggan yang berkaitan dengan operasi dan produk Pembekal;
- 2) Pematuhan Tatakelakuan ini; dan
- 3) Pengenalpastian dan pengurangan risiko operasi yang berkaitan dengan Tatakelakuan ini. Ia juga akan memudahkan peningkatan berterusan.

F. PERUBAHAN PADA TATAKELAKUAN

Nielsen berhak untuk mengemas kini, meminda atau mengubah keperluan Tatakelakuan Pembekal Nielsen dan Pembekal perlu menerima perubahan tersebut dan bertindak dengan sewajarnya. Tiada apa-apa yang terkandung dalam mana-mana dokumen yang dikeluarkan oleh Pembekal boleh dianggap sebagai mengubah suai atau meminda mana-mana bahagian Tatakelakuan ini.